

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
KAWASAN : KUDAT**

**SOALAN :**

**YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan kerja-kerja bagi baki 5 lagi pakej jalan Pan Borneo Coastal Highway bagi jajaran Tuaran ke Kudat. Pembinaan jalan ini bukan hanya merencanakan industri pelancongan di sepanjang jalan tersebut tetapi juga memberi manfaat kepada pengguna-pengguna jalan raya kerana jarak masa perjalanan dari Kudat ke Kota Kinabalu dapat dipendekkan. Adalah menjadi hasrat penduduk daerah Kudat agar jalan ini diberikan keutamaan perlaksanaannya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perancangan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah turut melibatkan jajaran dari Tuaran ke Kudat dengan anggaran jarak 123 km dan dibahagikan kepada 6 pakej. Sehingga kini, satu daripada 6 pakej tersebut, iaitu pakej 10 dari Pituru ke Rampayan Laut telah dibuat pelantikan kontraktor dan telah memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak. Kementerian peka terhadap permohonan Kerajaan Negeri Sabah yang mencadangkan supaya jajaran ini diambil kira sebagai sebahagian daripada perancangan projek LPB Sabah. Walau bagaimanapun, hala tuju pelaksanaan baki 5 pakej kerja yang belum dibuat pelantikan kontraktor adalah tertakluk kepada penelitian lanjut antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah yang dijangka dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.